



**PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR**  
(SELANGOR STATE TREASURY)  
TINGKAT 2, 8-12  
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH  
40592 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN  
MALAYSIA

*selangorku*



CERTIFIED TO MS ISO 9001 : 2008  
CERT. NO. : AR 1905

296

Rujukan Tuan : -

Rujukan Kami : PWN.SEL.SULIT.133 JLD.IX (2)

Tarikh : 7 Februari 2017

Pegawai Daerah  
Pejabat Daerah dan Tanah Petaling  
Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Petaling  
No 1, Persiaran Atmosfera Seksyen U5  
40150 Shah Alam  
SELANGOR DARUL EHSAN

Y.Bhg Dato',

**LAPORAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN AHLI PARLIMEN BAGI KAWASAN  
PARLIMEN KELANA JAYA OLEH BAHAGIAN AUDIT DALAM, PEJABAT SETIAUSAHA  
KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan, Bahagian Pengurusan Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan pengauditan ke atas rekod dan dokumen yang berkaitan dengan perbelanjaan peruntukan Ahli Parlimen Kelana Jaya bagi tahun 2014 hingga 2015 di jabatan Y.Bhg Dato' pada 1 hingga 3 Mac 2016 dan terdapat beberapa penemuan seperti di **Lampiran A**.


3. Sehubungan itu, pihak tuan adalah dipohon untuk mengemukakan maklumbalas berserta bukti tindakan telah diambil dalam tempoh **tujuh (7) hari** dari tarikh penerimaan surat ini. Bersama-sama ini disertakan sesalinan laporan pengauditan tersebut untuk rujukan dan tindakan pihak Y.Bhg Dato' selanjutnya.

4. Kerjasama daripada pihak tuan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(MOHD REDZUAN BIN HASAN)**  
Bendahari Negeri  
Selangor Darul Ehsan



No. Telefon : 603-5544 7000  
No. Faks : 603-5510 6255 (YB. PWN),  
603-5512 1049 (TPWN)  
603-5512 1054 (Bendahari Negeri),  
603-5544 7297 (Belanjawan)  
Emel : admin.pwn@selangor.gov.my

s.k: i.



YB Tuan Wong Chen  
Pusat Khidmat P104  
Kelana Jaya 113B  
Jalan SS14/1  
47500 Subang Jaya  
SELANGOR DARUL EHSAN

ii. Pengarah  
Bahagian Audit Dalam  
Tingkat 5, Bangunan SSAAS  
40503, Shah Alam  
SELANGOR DARUL EHSAN

1203

LAMPIRAN A

BIL	PENEMUAN	MAKLUMBALAS
1.	Perhatian kurang diberi kepada perbelanjaan un tuk projek-projek kecil pembangunan di mana tiada perbelanjaan yang dibuat untuk projek kecil pembangunan bagi tahun 2014 dan hanya sebanyak 4% dari jumlah yang disalurkan pada tahun 2015.	
2.	Sumbangan kemasyarakatan secara tunai merupakan perbelanjaan tertinggi bagi tahun 2014 (RM239,422) dan 2015 (RM306,550) di mana sumbangan kemasyarakatan yang tertinggi kepada individu yang memerlukan bantuan kewangan seperti rakyat miskin, warga emas, anak yatim, ibu tunggal dan orang kurang upaya dengan bantuan kewangan yang tertinggi pada tahun 2014 dan 2015 adalah daripada penduduk di kawasan Desa Mentari.	
3.	Terdapat enam puluh lapan (68) orang penerima telah menerima bantuan kewangan tunai bagi dua (2) tahun berturut iaitu tahun 2014 dan 2015 dengan jumlah keseluruhan RM74,000.	
4.	Terdapat tujuh (7) baucar bayaran untuk perbelanjaan di bawah kategori sumbangan kemasyarakatan yang tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan.	
5.	Sepanjang tempoh tahun 2014 dan 2015 secara keseluruhannya Pusat Khidmat P104 Kelana Jaya hanya membelanjakan sejumlah RM24,743 untuk program dan aktiviti mesra rakyat.	
6.	Pusat Khidmat P104 Kelana Jaya tidak pernah mewujudkan rekupmen untuk tujuan sumbangan kecemasan bagi tahun 2014 dan 2015.	



---

**LAPORAN PENGGUNAAN  
PERUNTUKAN AHLI PARLIMEN BAGI  
KAWASAN PARLIMEN KELANA JAYA**

---

**BAHAGIAN AUDIT DALAM  
PEJABAT SETIAUSAHA  
KERAJAAN NEGERI  
SELANGOR**

## ISI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>1. PENDAHULUAN</b>	1 - 2
<b>2. OBJEKTIF AUDIT</b>	2
<b>3. SKOP DAN METADOLOGI AUDIT</b>	2 - 3
<b>4. PENEMUAN AUDIT</b>	
4.1 Perbelanjaan Pusat Khidmat P104 Kelana Jaya Mengikut Kategori	3 - 5
a) Pengurusan Pejabat Ahli Parlimen	5 - 6
b) Projek-projek Kecil Pembangunan	6
c) Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai (Tidak Melebihi RM2,500 Setiap Sumbangan)	6 - 11
i) Perbelanjaan Bantuan Kewangan (Individu) Tertinggi	8
ii) Bantuan Kewangan (Individu) Mengikut Kawasan	8 - 9
iii) Bantuan Kewangan (Individu) Mengikut Kaum	9 - 10
iv) Bantuan Kewangan (Individu) Diterima Bagi Dua (2) Tahun Berturut	10
v) Baucar Bayaran Tidak Mengikut Garis Panduan	10 - 11
d) Program Dan Aktiviti Mesra Rakyat (Tidak Melebihi RM10,000 Setiap Program)	12
e) Sumbangan Kecemasan	13
<b>5. PENUTUP</b>	13 - 14

## LAPORAN PENGGUNAAN PERUNTUKAN AHLI PARLIMEN BAGI KAWASAN PARLIMEN KELANA JAYA

### 1. PENDAHULUAN

Pada setiap tahun Kerajaan Negeri Selangor meluluskan peruntukan Ahli Parlimen sejumlah RM250,000 untuk memudahkan setiap Ahli Parlimen menjalankan projek-projek kecil bagi meningkatkan infrastruktur awam atau infrastruktur asas serta menjalankan aktiviti mesra rakyat di kawasan masing-masing. Pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 39/2014, mulai Januari 2015 sejumlah RM50,000 peruntukan tambahan telah diluluskan, menjadikan peruntukan keseluruhannya berjumlah RM300,000 setahun.

Di Pejabat Daerah dan Tanah Petaling, Pegawai Pengawal bertanggungjawab untuk menguruskan enam (6) akaun peruntukan Ahli Parlimen secara berasingan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1**  
**Senarai Akaun Peruntukan Ahli Parlimen Di bawah Tanggungjawab**  
**Pejabat Daerah & Tanah Petaling**

Bil	Kawasan Parlimen	Nama Ahli Parlimen
1	Parlimen Petaling Jaya Selatan	Y.B. Tuan Hee Loy Sian
2	Parlimen Shah Alam	Y.B. Tuan Khalid Bin Abd Samad
3	Parlimen Petaling Jaya Utara	Y.B. Tuan Tony Pua Kiam Wee
4	Parlimen Subang	Y.B. Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah
5	Parlimen Kelana Jaya	Y.B. Tuan Wong Chen
6	Parlimen Puchong	Y.B. Tuan Gobind Singh Deo

Manakala, penerimaan dan pembayaran bagi enam (6) akaun peruntukan Ahli Parlimen bagi tahun 2014 sehingga 29 Februari 2016 adalah seperti di **Jadual 2**.

**Jadual 1**  
**Penyata Penerimaan dan Pembayaran Bagi Tahun 2014 Sehingga**  
**29 Februari 2016**

Bil	Perkara	2014	2015	2016 (Sehingga 29 Feb)
	Baki pada 1 Januari	519,326.84	248,495.62	85,708.25
<b>Terimaan</b>				
1	Parlimen Petaling Jaya Selatan	250,000.00	300,000.00	300,000.00
2	Shah Alam	250,000.00	300,000.00	300,000.00
3	Petaling Jaya Utara	250,000.00	300,000.00	300,000.00
4	Subang	250,000.00	300,000.00	300,000.00
5	Kelana Jaya	250,000.00	300,000.00	300,000.00
6	Puchong	250,000.00	300,000.00	300,000.00
	<b>Jumlah Terimaan</b>	<b>1,500,000.00</b>	<b>1,800,000.00</b>	<b>1,800,000.00</b>
<b>Bayaran</b>				
1	Parlimen Petaling Jaya Selatan	263,885.40	300,000.00	3,100.00
2	Shah Alam	258,731.08	302,410.00	50,380.30
3	Petaling Jaya Utara	311,189.00	327,093.60	4,000.00
4	Subang	351,787.56	321,407.15	0
5	Kelana Jaya	304,049.65	383,824.42	18,702.92
6	Puchong	281,188.53	328,052.20	15,859.92
	<b>Jumlah Bayaran</b>	<b>1,770,831.22</b>	<b>1,962,787.37</b>	<b>92,043.14</b>
	Lebihan (Kurangan) Bagi Tahun	( 248,495.62)	( 85,708.25)	<b>1,793,665.25</b>
	Baki pada 31 Disember	( 248,495.62)	( 85,708.25)	<b>0</b>

## 2. OBJEKTIF AUDIT

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perbelanjaan peruntukan Ahli Parlimen Kelana Jaya yang diuruskan oleh Pusat Khidmat P104 Kelana Jaya dirancang dengan teratur serta dilaksanakan menepati peraturan-peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

## 3. SKOP DAN METADOLOGI AUDIT

Pihak telah memilih untuk menjalankan pengauditan meliputi perbelanjaan peruntukan Ahli Parlimen di kawasan Parlimen Kelana Jaya bagi tahun 2014 dan 2015. Pendekatan audit adalah seperti berikut:

- i. Semakan terhadap dokumen-dokumen dan rekod-rekod kewangan yang berkaitan dengan perbelanjaan akaun Ahli Parlimen Kelana Jaya di Pejabat Daerah dan Tanah Petaling; dan
- ii. Temu bual di antara pegawai audit dengan pegawai yang terlibat.

#### **4. PENEMUAN AUDIT**

Mengikut garis panduan penggunaan peruntukan Ahli Parlimen yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor, penggunaan peruntukan ini terbahagi kepada lima (5) kategori seperti berikut:

- 1) Pengurusan Pejabat Ahli Parlimen – sehingga RM50,000 setahun,
- 2) Projek-projek kecil pembangunan – setiap satu projek hendaklah tidak melebihi RM50,000 dan boleh dilaksanakan melebihi 50 peratus dari peruntukan yang diberi,
- 3) Sumbangan kemasyarakatan secara tunai – tidak melebihi RM2,500 setiap sumbangan,
- 4) Program Mesra Rakyat – tidak melebihi RM10,000 bagi setiap program, dan
- 5) Sumbangan kecemasan – rekupmen perlu diwujudkan dan baki hendaklah tidak melebihi RM2,000 pada setiap masa, dan

Sehubungan dengan itu, pengauditan yang dijalankan pada 1 hingga 2 Mac 2016 mendapati perkara-perkara berikut:-

##### **4.1 Perbelanjaan Pusat Khidmat P104 Kelana Jaya Mengikut Kategori**

Analisis yang dijalankan terhadap peruntukan Ahli Parlimen untuk Pusat Khidmat P104 Kelana Jaya yang diaudit mengikut kategori perbelanjaan yang dibenarkan bagi tahun 2014 dan 2015 adalah seperti di **Jadual 2** dan **Carta 1**. Manakala, butiran lengkap mengikut kategori perbelanjaan adalah seperti di **Lampiran A**.




**Jadual 2**  
**Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Ahli Parlimen Kelana Jaya**  
**Mengikut Kategori**

Bil	Kategori	Tahun 2014		Tahun 2015	
		RM	%	RM	%
1	Pengurusan Pejabat Ahli Parlimen	50,000	16%	50,000	13%
2	Projek Kecil Pembangunan	0	0%	17,159	4%
3	Program Dan Aktiviti Mesra Rakyat	14,627	5%	10,116	3%
4	Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai	239,423	79%	306,550	80%
5	Sumbangan Kecemasan	0	0%	0	0%
	<b>Jumlah</b>	<b>304,050</b>	<b>100%</b>	<b>383,824</b>	<b>100%</b>

Sumber: Buku Tunai/ Buku Vot tahun 2014 & 2015 Pejabat Daerah & Tanah Petaling

**Carta 1**  
**Prestasi Perbelanjaan Peruntukan Ahli Parlimen Kelana Jaya Mengikut Kategori**



Sumber: Buku Tunai/ Buku Vot tahun 2014 & 2015 Pejabat Daerah & Tanah Petaling

Berdasarkan analisis di atas, didapati sumbangan kemasyarakatan secara tunai adalah penyumbang terbesar kepada perbelanjaan yang dibuat oleh Pusat Khidmat P104 Kelana Jaya. Dalam tahun 2014 dan 2015 sejumlah RM239 ribu (79%) dan RM307 ribu (80%) bagi tahun-tahun yang berkaitan telah digunakan untuk sumbangan kemasyarakatan secara tunai. Manakala perbelanjaan pengurusan pejabat Ahli Parlimen untuk

tahun-tahun yang sama, sejumlah RM50 ribu setiap tahun juga telah dibelanjakan, program dan aktiviti mesra rakyat pula berjumlah RM14 ribu (5%) dan RM10 ribu (3%) bagi tahun-tahun yang sama.

Daripada analisis tersebut juga menunjukkan perhatian kurang diberi kepada perbelanjaan untuk projek-projek kecil pembangunan di mana tiada perbelanjaan yang dibuat untuk projek kecil pembangunan di bagi tahun 2014 dan hanya membelanjakan sejumlah RM17 ribu (4%) pada keseluruhannya bagi tahun 2015.

Berdasarkan Jadual 2 dan Carta 1 di atas, semakan audit selanjutnya terhadap perincian perbelanjaan mengikut kategori adalah seperti berikut:-

**a) Pengurusan Pejabat Ahli Parlimen**

Perbelanjaan ini meliputi kos perbelanjaan pengurusan pejabat **tidak melebihi RM50,000 setahun** termasuk:-

- 1) Penyewaan pejabat;
- 2) Pembelian kelengkapan dan alat tulis pejabat;
- 3) Penyewaan mesin fotostat tidak melebihi RM7,200.00;
- 4) Penganjuran mesyuarat;
- 5) Pembayaran bil utiliti;
- 6) Penyelenggaraan pejabat;
- 7) Pengubahsuaian pejabat secara one-off dengan kos tidak melebihi RM20,000;
- 8) Pembayaran emolumen kakitangan di pejabat Ahli Parlimen dengan kadar yang munasabah.

Analisis Audit mendapati perbelanjaan pengurusan pejabat Ahli Parlimen untuk Pusat Khidmat P104 Kelana Jaya tidak melebihi

peruntukan RM50,000 setahun untuk perbelanjaan seperti di atas bagi tahun 2014 dan 2015.

**b) Projek-projek Kecil Pembangunan**

Projek kecil merangkumi perolehan kerja bagi projek penyelenggaraan infrastruktur awam dan projek infrastruktur asas. Kos bagi setiap Projek Kecil Pembangunan hendaklah tidak melebihi RM20,000 setiap satu dan boleh dilaksanakan melebihi 50% peratus daripada peruntukan yang diberi.

Berdasarkan analisis audit di para 4.1 dalam laporan ini, Pusat Khidmat P104 Kelana Jaya tidak menggunakan peruntukan ini untuk projek kecil pembangunan di kawasan mereka bagi tahun 2014 dan hanya membelanjakan berjumlah RM17 ribu (4%) daripada jumlah peruntukan yang disalurkan untuk satu (1) kerja sahaja iaitu kerja-kerja membina susur tangga dan kerja baik pulih di Desa Mentari bagi tahun 2015.

**c) Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai (Tidak Melebihi RM2,500 Setiap Sumbangan)**

Sumbangan kemasyarakatan berupa pemberian derma dan sumbangan sagu hati kepada rakyat miskin, warga emas, anak yatim, ibu tunggal, orang kurang upaya, badan atau individu seperti persatuan dan Pertubuhan Bukan Kerajaan yang berdaftar dan tidak bermotifkan keuntungan, mangsa bencana, mangsa kemalangan, penghidap penyakit kronik dan bantuan kepada jawatankuasa masjid/surau dan rumah ibadat yang berdaftar.

Sekiranya terdapat Pertubuhan Bukan Kerajaan atau persatuan yang tidak berdaftar yang memohon sumbangan, Ahli Parlimen hendaklah membuat pengesahan secara rasmi bahawa Pertubuhan Bukan Kerajaan atau persatuan yang tidak berdaftar tersebut melaksanakan aktiviti atau program yang memberi manfaat kepada masyarakat. Sumbangan tunai yang diberikan **bukan secara sumbangan bulanan tetapi diberi sekali sahaja dengan tidak melebihi RM2,500 setiap sumbangan.**

Berdasarkan analisis audit, sumbangan kemasyarakatan secara tunai merupakan perbelanjaan yang tertinggi bagi tahun 2014 dan 2015 iaitu berjumlah RM239 ribu (79%) dan RM307 ribu (80%) daripada peruntukan yang diberi pada tahun-tahun yang berkaitan dan butirannya adalah seperti di **Jadual 3.**

**Jadual 3**  
**Sumbangan Kemasyarakatan Secara Tunai**

Bil	Kategori	Tahun 2014			Tahun 2015		
		Bil	RM	%	Bil	RM	%
1	Bantuan Kewangan (Individu)	239	128,422	54%	291	149,050	49%
2	Persatuan Penduduk	35	34,500	14%	46	66,000	22%
3	Pertubuhan Bukan Kerajaan	28	36,000	15%	19	25,500	8%
4	PIBG Sekolah/ Tadika	13	20,000	8%	14	17,000	6%
5	Rumah Ibadat	20	20,500	9%	43	49,000	16%
	<b>Jumlah</b>	<b>335</b>	<b>239,422</b>	<b>100%</b>	<b>413</b>	<b>306,550</b>	<b>100%</b>

*Sumber: Buku Tunai/ Buku Vot tahun 2014 & 2015 Pejabat Daerah & Tanah Petaling*

Berdasarkan Jadual 3, pihak Audit mendapati perkara-perkara seperti berikut:-

**i) Perbelanjaan Bantuan Kewangan (Individu) Tertinggi**

Pusat Khidmat P104 Kelana Jaya telah memberi sumbangan kemasyarakatan yang tertinggi kepada individu yang memerlukan bantuan kewangan seperti rakyat miskin, warga emas, anak yatim, ibu tunggal dan orang kurang upaya. Bayaran yang dibuat di antara RM150 hingga RM2,500 seorang. Bagi tahun 2014 dan 2015 seramai 239 orang individu dengan jumlah keseluruhan bayaran RM128,422 dan 291 orang individu berjumlah RM149,050 telah menerima sumbangan secara tunai pada tahun-tahun berkaitan.

**ii) Bantuan Kewangan (Individu) Mengikut Kawasan**

Daripada sumbangan bantuan kewangan yang diberi kepada individu yang berkenaan didapati penerima bantuan kewangan yang tertinggi bagi tahun 2014 dan 2015 adalah daripada penduduk di kawasan perumahan Desa Mentari iaitu seramai 168 orang penerima berjumlah RM90,100 dan 211 orang penerima berjumlah RM105,550 telah menerima sumbangan pada tahun-tahun berkaitan. Butirannya seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4**  
**Bantuan Kewangan (Individu) Mengikut Kawasan**

Bil	Kawasan	2014		2015	
		Bil Orang	RM	Bil Orang	RM
1	Desa Mentari	168	90,100.00	211	105,550.00
2	Tmn Lindungan	22	10,900.00	22	11,300.00
3	Tmn Desa Ria	2	800.00	17	10,250.00
4	Subang Jaya	4	1,700.00	14	7,700.00
5	Tmn Sri Subang	1	600.00	8	4,750.00
6	Tmn Dato Harun	0	-	5	3,250.00
7	Bdr Sunway	0	-	7	2,250.00
8	Tmn Medan	4	2,600.00	2	1,500.00
9	Kelana Jaya	3	1,400.00	2	1,300.00
10	Kg Tunku	1	1,000.00	1	300.00
11	Petaling Jaya	17	10,200.00	1	150.00
12	Tmn Indah Jaya	0	-	1	750.00
13	Bandar Sri Subang	2	600.00	0	-
14	Klang Lama	3	1,800.00	0	-
15	Puchong	2	800.00	0	-
16	Shah Alam	10	5,922.00	0	-
	<b>Jumlah</b>	<b>239</b>	<b>128,422.00</b>	<b>291</b>	<b>149,050.00</b>

Sumber: Baucar Bayaran tahun 2011/4 & 2015 Pejabat Daerah dan Tanah Petaling

**iii) Bantuan Kewangan (Individu) Mengikut Kategori Kaum**

Manakala, sumbangan bantuan kewangan yang diberikan mengikut kategori kaum bagi tahun 2014 menunjukkan seramai 219 orang penerima berjumlah RM117,822 (91%) daripada peruntukan tersebut diterima oleh kaum India diikuti kaum Melayu seramai 19 orang berjumlah RM10,300 (8%) dan seorang daripada kaum Cina berjumlah RM300 (1%). Bagi tahun 2015 pula seramai 259 orang daripada kaum India menerima bantuan kewangan ini berjumlah RM131,550 (88%) dan diikuti kaum Melayu seramai 32 orang dengan jumlah RM 131,550 (12%). Butirannya adalah seperti di **Jadual 4**.

**Jadual 4**  
**Bantuan Kewangan (Individu) Mengikut Kaum**

Jenis Kaum	Tahun 2014		%	Tahun 2015		%
	Bil. Orang	RM		Bil. Orang	RM	
Melayu	19	10,300	8%	32	17,500	12%
Cina	1	300	1%	0	-	0
India	219	117,822	91%	259	131,550	88%
	<b>239</b>	<b>128,422</b>	<b>100%</b>	<b>291</b>	<b>149,050</b>	<b>100%</b>

*Sumber: Baucar Bayaran tahun 2011/14 & 2015 Pejabat Daerah dan Tanah Petaling*

**iv) Bantuan Kewangan (Individu) Diterima Bagi Dua (2) Tahun Berturut**

Terdapat 68 orang penerima telah menerima bantuan kewangan tunai bagi dua (2) tahun berturut iaitu tahun 2014 dan 2015 dengan jumlah keseluruhan RM74,000. Butirannya adalah seperti di **Lampiran B**.

**v) Baucar Bayaran Tidak Mengikut Garis Panduan**

Semakan audit secara rawak seterusnya mendapati **terdapat 7 baucar bayaran untuk perbelanjaan di bawah kategori sumbangan kemasyarakatan yang tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan**. Antara lain terdapat sumbangan kebajikan (bantuan kewangan) tiada dokumen sokongan yang lengkap, pemberian sumbangan diberikan kepada dua (2) orang penerima untuk satu permohonan dan sumbangan kepada persatuan penduduk dan Pertubuhan Bukan Kerajaan dibayar atas nama seseorang individu. Butirannya adalah seperti di **Jadual 5**.

**Jadual 5**  
**Sumbangan Kemasyarakatan Yang Tidak Mengikut Garis Panduan**

Bil	Tarikh Baucar	Nama Penerima	Jumlah (RM)	Perkara
1	26/6/2015 OG0654P	Kamala a/p Manicakam	150	Sumbangan kebajikan tiada dokumen sokongan yang lengkap
2	26/6/2015 OG0642P	Balakrishnana a/l Karuppiyah	150	- Hanya disertakan dengan salinan kad pengenalan individu
3	7/7/2014	Batma Pushani a/p Awawu	2,500	Pemberian sumbangan diberikan kepada dua (2) orang penerima untuk satu permohonan
4	7/7/2014	Stella Philomena Michael	2,500	- Dokumen sokongan permohonan daripada Batmapushani Ayawu bertarikh 13/6/2014
5	15/6/2015 OG0395P	Erganaidu a/l Semanjalam	2,500	Sumbangan kepada Pertubuhan Bukan Kerajaan dibayar atas nama seseorang individu - Dokumen sokongan permohonan daripada Persatuan Penganut Dewa Sri Kumaravel Alayam bertarikh 21/5/2015
6	15/6/2015 OG0392P	Chandran a/l Subramaniam	2,500	Sumbangan kepada persatuan penduduk dibayar atas nama seseorang individu - Dokumen sokongan permohonan daripada Persatuan Kebajikan masyarakat India Desa Mentari untuk membina dewan bertarikh 20/4/2015.
7	18/3/2015 OG0163P	Ravi Chandar a/l Rengasamy	2,500	Sumbangan kepada persatuan penduduk dibayar atas nama seseorang individu - Dokumen sokongan permohonan daripada Ravi Chandar a/l Rengasamy untuk sambutan perayaan tahunan Kuil Sri Muniswaran ke 12 bertarikh 3/3/2015.
<b>Jumlah</b>			<b>12,800</b>	

*Sumber: Baucar Bayaran tahun 2014 & 2015 Pejabat Daerah dan Tanah Petaling*



d) Program Dan Aktiviti Mesra Rakyat (Tidak Melebihi RM10,000 Setiap Program)

Program mesra rakyat seperti program turun padang, sesi dialog bersama rakyat, ziarah, program menceriakan kawasan sempena perayaan, program-program kemasyarakatan termasuk perolehan pembelian barang-barang serta perkhidmatan yang dibenarkan adalah tidak melebihi RM10,000.

Sepanjang tempoh tahun 2014 dan 2015 secara keseluruhannya Pusat Khidmat P104 Kelana Jaya hanya membelanjakan sejumlah RM24,743 untuk program dan aktiviti mesra rakyat iaitu lapan (8) program berjumlah RM14,627 dan enam (6) program lagi berjumlah RM10,116 bagi tahun-tahun yang berkaitan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 6**.

**Jadual 6**  
**Program Dan Aktiviti Mesra Rakyat Pusat Khidmat Kelana Jaya**

Bil	Tarikh	Program/ Aktiviti Mesra Rakyat	No. Baucar	Jumlah (RM)
1	31/3/14	Dialog Bersama Komuniti	0119p	1,550
2	7/7/14	Dialog Bersama Komuniti Jun 2014	0471p	767
3	15/12/14	Imbasan Kanser Payudara Wanita	0873p	1,770
4	7/7/14	Jom Durian VII	0486p	1,000
5	4/6/14	Program Pemeriksaan Kanser Payudara Desa Mentari	0305p	3,990
6	20/5/14	Sumbangan Kecemasan	0205p	1,855
7	9/4/14	Lawatan Sambil Belajar Ke Pusat Sains Negara	0132p	995
8	14/4/14	Perayaan Tahunan Kuil Sri Muniswaran Desa Raya	0141p	2,700
<b>Program Dan Aktiviti Mesra Rakyat (Tahun 2014)</b>				<b>14,627</b>
1	2/2/15	Dialog Bersama Komuniti	0060p	1,160
2	24/3/15	Lawatan Ke Pusat Sains Negara	0177p	826
3	26/5/15	Dialog Bersama Komuniti	0325p	459
4	30/9/15	Jamuan Hari Raya Desa Mentari	0884p	4,325
5	30/9/15	Kem Perubatan Bergerak Percuma	0885p	378
6	1/12/15	Hamper Deepavali	0984p	2,968
<b>Program Dan Aktiviti Mesra Rakyat (Tahun 2015)</b>				<b>10,116</b>
<b>Jumlah Besar</b>				<b>24,743</b>

### e) Sumbangan Kecemasan

Setiap Ahli Parlimen akan diperuntukkan sejumlah RM2,000 pada setiap masa bagi tujuan sumbangan kecemasan kepada mangsa bencana alam, kebakaran, penyakit kronik dan kemalangan sahaja. Rekupmen perlu diwujudkan dan baki bagi tujuan tersebut hendaklah tidak melebihi RM2,000 pada setiap masa.

Semakan audit mendapati Pusat Khidmat P104 Kelana Jaya tidak pernah mewujudkan rekupmen ini untuk tujuan sumbangan kecemasan bagi tahun 2014 dan 2015.

## 5. Penutup

Peruntukan Ahli Parlimen ini disediakan bagi memudahkan Ahli Parlimen menjalankan projek-projek kecil bagi meningkatkan infrastruktur asas serta menjalankan aktiviti mesra rakyat di kawasan masing-masing.

Walau bagaimanapun, hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan didapati penggunaan peruntukan Ahli Parlimen yang diselenggarakan oleh Pusat Khidmat P104 Kelana Jaya tidak mencapai objektif penggunaan peruntukan ini kerana Ahli Parlimen tidak menggunakan peruntukan ini untuk projek kecil pembangunan di kawasan mereka bagi tahun 2014 dan hanya membelanjakan berjumlah RM17 ribu (4%) sahaja daripada jumlah peruntukan yang disalurkan bagi tahun 2015. Selain itu, bagi tahun 2014 dan 2015 sebahagian besarnya perbelanjaan adalah untuk sumbangan kemasyarakatan secara tunai berjumlah RM239 ribu (79%) dan RM306,550 (80%) bagi tahun-tahun yang berkaitan.

Didapati juga, sumbangan kemasyarakatan secara tunai ini diberikan secara bantuan kewangan kepada individu di antara RM150 hingga RM2,500 seorang dan tertumpu pada penduduk di sekitar perumahan Desa Mentari jika

dibandingkan di kawasan lain. Pihak audit berpendapat kawalan daiaaiaa perbelanjaan bagi pemberian bantuan kewangan ini hendaklah dipertingkatkan kerana terdapat beberapa kelemahan yang boleh memberi ruang berlakunya penyelewengan dan salah guna peruntukan. Sehubungan dengan itu, perhatian berat perlu diberi terhadap penyelenggaraan rekod-rekod kewangan di Pejabat Daerah supaya memperkemaskan maklumat yang diperlukan untuk menyokong setiap pembayaran yang dilakukan supaya ia lebih nampak telus dan tidak meragukan. Oleh itu, adalah disyorkan tindakan seperti ini diambil:

- i. Memastikan Pusat Khidmat P104 Kelana Jaya menyediakan Kertas Cadangan Belanjawan supaya peruntukan digunakan terancang dengan kemas mengikut peratus perbelanjaan yang boleh dilakukan berpandukan kepada lima (5) kategori perbelanjaan yang dibenarkan. Di samping itu, setiap pengeluaran harus mengikut garis panduan yang ditetapkan di dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bil. 2 tahun 2015 agar bantuan yang diberi dapat dinikmati oleh semua penduduk di kawasan Parlimen, dan
- ii. Memastikan perancangan lebih menitik beratkan kepada projek-projek kecil pembangunan di mana perkara ini akan dapat menyumbang aktiviti ekonomi setempat di samping menjana peluang pekerjaan kepada rakyat.